

25 NOV 1996

PRESIDEN KOREA SELATAN TIBA ESOK UNTUK LAWATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Presiden Korea Selatan Kim Young Sam akan tiba di sini esok untuk memulakan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia.

Selepas tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang, beliau akan ke bawa ke Medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Beliau kemudian akan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini diikuti dengan mesyuarat delegasi di Jabatan Perdana Menteri.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengunjungi Kim dan isteri di Hotel Hilton.

Kim dan isteri selepas itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara. Pada sebelah malam pula, Seri Paduka Baginda akan meraikan Presiden Korea Selatan itu dan isteri pada majlis jamuan negara.

Pada Rabu, Dr Mahathir akan meraikan Kim pada jamuan tengah hari di Carcosa Seri Negara. Ini diikuti dengan rundingan dua hala di Jabatan Perdana Menteri.

Kim akan berlepas pulang pada Khamis. -- BERNAMA
ES FAZ